

“LAMPIRAN 2”



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

TERMA DAN SYARAT LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR MENJALANKAN HAK KUASA-KUASA DI BAWAH PARA 3 (2) V AKTA LEMBAGA-LEMBAGA PELABUHAN MALAYSIA 1963 (PINDAAN 1992) DAN UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR 1979

TERMA DAN SYARAT LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

PADA MENJALANKAN HAK KUASA-KUASA DI BAWAH PARA 3 (2) V AKTA LEMBAGA-LEMBAGA PELABUHAN MALAYSIA 1963 (PINDAAN 1992) DAN UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR 1979 DENGAN INI LEMBAGA PELABUHAN JOHOR BAGI MELESENKAN PERKHIDMATAN ATAU KERJA-KERJA YANG TERDAPAT DI PREMIS PELABUHAN JOHOR DAN LINGKUNGAN BATAS PELABUHAN DI BAWAH BIDANG KUASA LEMBAGA PELABUHAN JOHOR.

BAHAGIAN 1 : JENIS PERKHIDMATAN

Terdapat lima belas (15) jenis perkhidmatan sokongan yang dilesenkan dibawah Lembaga Pelabuhan Johor iaitu:

KOD	JENIS PERKHIDMATAN
01	SHIP CHANDLING
02	STUFFING & UNSTUFFING
03	LASHING & UNLASHING
04	KERANI HITUNG
05	PENYELAMAN
06	BEKALAN AIR TAWAR
07	STEVEDORING
08	PEMBAIKAN & PEMBEKALAN ALAT GANTI KAPAL
09	BUNKERING
10	PEMBUANGAN & PENERIMAAN SISA KAPAL
11	PEMBAIKAN DAN PEMBEKALAN ALAT GANTI JENTERA
12	PERKHIDMATAN MOORING
13	SISA BUANGAN SAMPAH DOMESTIK
14	CARGO SURVEY
15	PEMBERSIHAN TUMPAHAN DAGANGAN BERBAHAYA

BAHAGIAN 2 : SYARAT BEROPERASI SYARIKAT

2.1 **SYARIKAT** hendaklah mematuhi segala undang-undang Kerajaan dan lain-lain peraturan atau perintah yang dikuatkuasakan di bawah atau pindaan-pindaan Undang-Undang dan Akta Lembaga Pelabuhan Johor dari semasa ke semasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya sepertimana yang terkandung di dalam **Terma dan Syarat Lesen Sokongan (LPJ/M-TSLS/14)** ini;

- 2.2 **SYARIKAT** hendaklah mengemukakan segala maklumat tambahan bagi permohonan baru atau memperbaharui lesen perkhidmatan sokongan dalam tempoh tujuh hari (7 hari) apabila diminta oleh Lembaga Pelabuhan Johor. Permohonan yang lengkap sahaja akan diproses;
- 2.3 **SYARIKAT** hendaklah memastikan bahawa bagi mana-mana keperluan permohonan yang memerlukan dokumen kelulusan agensi lain, kelulusan tersebut perlu dikeluarkan terlebih dahulu oleh Agensi tersebut sebelum permohonan dibuat dan ianya masih sah laku.
- 2.4 **SYARIKAT** hendaklah mempunyai ibu pejabat/cawangan di Negeri Johor.
- 2.5 **SYARIKAT** hendaklah berdaftar di Suruhanjaya Perniagaan Malaysia (SSM) **atau** Kementerian Kewangan Malaysia (Lesen Kementerian Kewangan).
- 2.6 **SYARIKAT** hendaklah menjalankan operasi hanya di dalam batas had Pelabuhan Pasir Gudang dan had Pelabuhan Tanjung Pelepas sahaja.
- 2.7 Lembaga Pelabuhan Johor tidak akan bertanggungjawab di atas segala aktiviti yang dilakukan oleh pemegang lesen atau pekerja-pekerja pemegang lesen yang mengakibatkan apa-apa tuntutan kerugian daripada mana-mana pihak yang terlibat.
- 2.8 Lesen Perkhidmatan Sokongan tidak dibenarkan dipindahmilik atau dipinjamkan kepada syarikat lain.
- 2.9 Lesen hendaklah dipaparkan ketika operasi dijalankan.
- 2.10 Pada menjalankan kuasa-kuasa Seksyen 5, *Protected Area & Protected Places Ordinance* Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan Malaysia 1959 dan Seksyen 110 (2) Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor 1979, para pelesen hendaklah sentiasa melaksanakan dengan sepenuhnya segala peraturan-peraturan serta arahan-arahan daripada pegawai-pegawai Lembaga Pelabuhan Johor.

BAHAGIAN 3 : PROSEDUR PERMOHONAN

3.1 PERMOHONAN LESEN BARU/MEMPERBAHARUI

- 3.1.1 Permohonan lesen hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Perkhidmatan Lesen Sokongan (Rujukan: LPJ/IM-BLS)**
- 3.1.2 Dokumen-dokumen sokongan perlu disertakan dengan lengkap dalam permohonan; dan
- 3.1.3 Syarikat wajib memperakukan **Terma dan Syarat Lesen Perkhidmatan Sokongan (Rujukan: LPJ/M-TSLS/14)** yang terdapat di dalam **Borang Permohonan Perkhidmatan Lesen Sokongan (Rujukan: LPJ/IM-BLS)**

Nota : Dokumen **Terma dan Syarat Lesen Perkhidmatan Sokongan (Rujukan: LPJ/M-TSLS/14)** adalah untuk panduan dan simpanan Syarikat sendiri sahaja.

3.2 KATEGORI DAN TEMPOH KELULUSAN LESEN

- 3.2.1 Tempoh sah lesen adalah seperti berikut:
- i. Lesen Baru (sementara) : Tempoh kelulusan adalah selama **6 bulan** sahaja
 - ii. Lesen Tetap : Tempoh kelulusan adalah selama **1 tahun** sahaja
- 3.2.2 Tempoh proses lesen adalah selama **10 hari waktu bekerja**.

3.3 KADAR BAYARAN

SYARIKAT yang **BERJAYA** mendapatkan lesen di Lembaga Pelabuhan Johor dikehendaki menjelaskan bayaran (tidak dikembalikan) sebagaimana berikut:

Bayaran Proses (Pendaftaran) : RM 25.00 **dan**
Bayaran Lesen perkhidmatan sokongan adalah seperti berikut : (Sila rujuk jadual dibawah)

KOD	LESEN	SEMENTARA (RM)	TAHUNAN (RM)
01	Ship Chandling	250	500
02	Stuffing & Unstuffing	250	500
03	Lashing & Unlashing	250	500
04	Kerani Hitung	250	500

05	Penyelaman	250	500
06	Bekalan Air Tawar	250	500
07	Stevedoring	500	1000
08	Pembaikan & Pembekalan Alat Ganti Kapal	250	500
09	Bunkering	500	1000
10	Pembuangan & Penerimaan Sisa Kapal	500	1000
11	Pembaikan dan Pembekalan Alat Ganti Jentera	500	1000
12	Perkhidmatan Mooring	250	500
13	Sisa Buangan Sampah Domestik	250	500
14	Cargo Survey	250	500
15	Pembersihan Tumpahan Dagangan Berbahaya	500	1000

Pembayaran hendaklah dibuat atas nama **LEMBAGA PELABUHAN JOHOR** secara **CEK atau TUNAI** sahaja ke Unit Kewangan, Lembaga Pelabuhan Johor.

Resit asal hendaklah ditunjukkan kepada wakil Unit Marin sebelum penyerahan lesen dibuat kepada Syarikat.

3.4 MEMPERBAHARUI LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN

Bagi mana-mana Syarikat yang ingin memperbaharui lesen, hendaklah:

3.4.1 Syarikat dikehendaki mengemukakan permohonan pembaharuan lesen perkhidmatan sokongan sekurang-kurangnya **SATU (1) bulan sebelum** tamat sah tempoh yang tertera pada Lesen Perkhidmatan Sokongan. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan permohonan anda tidak diterima dan Syarikat perlu mengemukakan surat rayuan kepada Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor.

3.4.2 Tambahan, bagi yang memperbaharui lesen **selepas tempoh 1 tahun** dari tamat lesen tersebut, syarikat akan dianggap membuat permohonan baru (bukan memperbaharui) dan lesen yang akan dikeluarkan adalah di bawah kategori lesen sementara.


- 3.4.3 Syarikat perlu mengemukakan **Penilaian Prestasi Syarikat** (salinan inbois atau pesanan barang/"Bill Order") kepada LPJ sekurang-kurangnya satu (1) transaksi kerja untuk LPJ mempertimbangkan kelulusan lesen. Bagi mana-mana syarikat yang gagal memenuhi keperluan ini, surat rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Johor.
- 3.4.4 Bagi Syarikat yang tidak aktif/tiada operasi, pihak Lembaga Pelabuhan Johor berhak mempertimbangkan atau sebaliknya permohonan untuk memperbaharui lesen syarikat.
- 3.4.4 Syarikat hendaklah memastikan semua permit/lesen daripada lain-lain Agensi Kerajaan atau Berkanun adalah sah dan belum tamat tempoh semasa membuat permohonan memperbaharui lesen.

BAHAGIAN 4 : PENAMATAN LESEN

SYARIKAT hendaklah patuh atas perkara tersebut:

- 4.1 Bagi sebarang lesen yang **BERJAYA** tidak dituntut di Lembaga Pelabuhan Johor selama tempoh 30 hari, LPJ beranggapan syarikat tidak berminat untuk menjalankan aktiviti tersebut dan nama syarikat tersebut akan di senarai hitamkan daripada memohon semula bagi mana-mana jenis aktiviti di Pelabuhan.
- 4.2 Lembaga Pelabuhan Johor berhak membatalkan atau menggantung lesen tanpa apa-apa notis, jika di dapati maklumat yang diberikan oleh syarikat tidak benar;
- 4.4 Sebarang rayuan berkenaan penamatan lesen perkhidmatan sokongan perlulah dikemukakan kepada **Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor**.
- 4.5 Lembaga Pelabuhan Johor berhak mendapatkan kembali lesen asal apabila Lesen Perkhidmatan Sokongan telah dibatalkan.
- 4.6 Lembaga Pelabuhan Johor juga berhak menamatkan atau menarik balik lesen yang telah dikeluarkan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis sekiranya didapati syarikat telah melanggar syarat-syarat atau peraturan yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN 5 : CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN



UNIT MARIN

**IBU PEJABAT
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
NO 6A-8A, PUSAT PERDAGANGAN
JALAN BANDAR, 81700 PASIR GUDANG
JOHOR**

TEL: 07-253 4000

FAX: 07-252 3730